

35,000 peluang kerja sektor awam

Jumlah babit jawatan tetap, kontrak bawah kementerian serta jabatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menganggarkan 35,000 jawatan kosong dalam sektor awam pada tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata jumlah itu adalah untuk jawatan tetap dan kontrak di bawah kementerian serta jabatan.

"Kekosongan jawatan bergantung pada permintaan jabatan dan kementerian, jika dianggarkan sekurang-kurangnya 13,000 hingga 15,000 jawatan kosong lantikan tetap untuk tahunan.

"Bagi lantikan kontrak pula, jumlahnya sama seperti lantikan tetap, iaitu antara 15,000 hingga 20,000, bergantung permintaan tahun berkenaan.

"Di SPA, sebaik sahaja kita terima permohonan itu, kita akan terus memproses data terbabit," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran portal Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9), di sini, semalam.

Mengenai had umur untuk memohon jawatan dalam sektor kerajaan Zainal Rahim, berkata pihaknya tidak pernah menetapkan had umur untuk memohon jawatan dalam sektor kerajaan.

"Tiada had umur ditetapkan, kecuali jika individu itu memohon skim yang memerlukan tenaga fizikal.

"Ia ada had umur contohnya, bidang penguatkuasaan ada kala

hingga 35 dan 45 tahun.

"Bagi permohonan biasa, jika individu itu berumur 40 tahun sekali pun, beliau tetap boleh memohon. Kalau dia layak kita akan ambil," katanya.

Sementara itu, portal SPA9 menerima hampir 9 juta pengunjung dan kira-kira 200,000 pendaftaran daripada pemohon kerja dalam tempoh lima hari selepas pelancarannya pada 28 September lepas.

SPA9 adalah borang pendaftaran permohonan pekerjaan dalam talian yang menggantikan Borang Pendaftaran Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam (SPA8i) dengan beberapa penambahbaikan dilakukan.

"Sistem baharu itu dapat mengemas kini data yang terlalu lama dalam sistem terdahulu. Kalau lihat pada data kita ada sejuta hingga 1.6 juta yang memohon pelbagai jawatan.

"Ada juga antara individu yang sudah memohon hampir 10 tahun. Jadi menerusi SPA9, ia boleh bersihkan data lama.

"Sesiapa yang pernah memohon (kerja) dengan SPA, kita minta mereka untuk memohon semula mengikut tempoh tertentu supaya dapat membuat padanan kerja dengan sijil kelayakan atau bidang yang mereka mohon," katanya.

Zainal Rahim berkata, pemohon melalui SPA9 boleh memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam persekutuan dan empat negeri, iaitu Negeri Sembilan, Me-



Zainal Rahim (tengah) melancarkan portal SPA9 di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Timbalan Pengerusi SPA, Datuk Seri Zool Azha Yusof (kiri) dan Setiausaha SPA, Datuk Zohari Said. (Foto BERNAMA)

laka, Perlis dan Pulau Pinang.

Katanya, kelebihan SPA9 ia dibangunkan dengan penggunaan kad pengenalan dan pemohon boleh membuat pengesahan, mengemas kini maklumat pendaf-

Bagi permohonan biasa, jika individu itu berumur 40 tahun sekali pun, beliau tetap boleh memohon. Kalau dia layak kita akan ambil.

Zainal Rahim Seman,
Pengerusi SPA

taran serta menyemak status permohonan.

"Semua maklumat calon seperti akademik, pengesahan pengiktirafan kelayakan akademik, maklumat kewarganegaraan, maklumat pemegang kad orang kurang upaya (OKU), penerima bantuan eKasih serta lesen memandu juga secara automatik.

"Dengan kerjasama dijalinan SPA dengan beberapa kementerian dan jabatan, secara tidak langsung membantu SPA mendapatkan data sah dan tepat mengenai pemohon terbabit," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zainal Rahim berkata, tiada lagi isu kelewatan untuk meluluskan permohonan perjawatan daripada kementerian atau jabatan kerana SPA kini mempunyai sistem be-

roperasi 24 jam untuk meluluskan permohonan berkenaan.

Katanya, menerusi sistem terbabit, pegawai SPA boleh meneliti permohonan berkenaan di mana sahaja mereka berada kerana ia boleh diakses menerusi telefon bimbit.

"Berapa banyak (kementerian atau jabatan) hantar permohonan perjawatan, kita akan luluskan. Hari ini (permohonan) dihantar, hari ini kita akan luluskan kerana kita mempunyai sistem (operasi) 24 jam.

"Kita juga sentiasa siap siaga untuk meluluskan semua permohonan berkenaan. Kita hanya meluluskan, dari segi penempatan untuk jawatan terbabit, ia di bawah bidang kuasa kementerian atau jabatan berkenaan," katanya.